

| | | | |
|-------------|-------------------------------|------------|--------------|
| Headline | 'Belum ada sebarang tindakan' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 18 Sep 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 82,252 | Readership | 246,756 |
| Section | Nasional | Page No | 18 |
| ArticleSize | 392 cm ² | Journalist | Amin Ridzuan |
| PR Value | RM 39,090 | | |
| | | | |



Susulan ladang haram warga asing

'Belum ada sebarang tindakan'

Kerajaan Selangor didesak serius banteras aktiviti haram

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor didesak bertindak segera terhadap mana-mana pihak yang menjadi punca pencerobohan pendatang asing yang meneroka tanah kerajaan secara haram di Bukit Beruntung, Hulu Selangor.

Setiausaha Pertubuhan Sahabat Hulu Selangor, Ramlee Mohd Nasir, mendakwa selepas hampir 10 hari pencerobohan itu dibongkar oleh *BH*, sehingga kini tiada sebarang tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa, hingga menimbulkan persoalan sama ada kerajaan negeri benar-benar serius ingin membanteras aktiviti haram atas tanah miliknya itu.

Beliau mendakwa, kegiatan per-

tanian di atas tanah yang diceroboh warga asing terbabit masih berlarutan sehingga kini, seolah-olah tiada sebarang penguatkuasaan, meskipun notis sudah dikeluarkan terhadap kehadiran mereka di situ.

"Kami menggesa kerajaan mengambil tindakan segera dan tarik balik hak milik tanah individu menyebabkan perkara ini berlaku, ia sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu, adakah kita mahu melihat mereka terus 'menguasainya'?"

"Jika dibiarkan mungkin lebih banyak lagi kawasan diceroboh kerana pihak melakukan kesalahan itu semakin berani apabila tiada penguatkuasaan tegas," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada 8 September lalu, *BH Ahad* melaporkan isu pencerobohan tanah kerajaan dan milik persendirian di Bukit Beruntung oleh kumpulan warga asing, di kawasan dianggarkan seluas 60 hektar.

Mereka dikatakan bekerja dengan pihak tertentu yang menyewa tapak pertanian itu, tetapi menceroboh masuk ke kawasan lain, termasuk 10 hektar milik



Kegiatan pertanian di atas tanah yang diceroboh warga asing di Bukit Beruntung masih berlarutan sehingga kini, seolah-olah tiada sebarang penguatkuasaan. (Foto Zunnur Al Shafiq/*BH*)

Pejabat Tanah Galian (PTG), Hulu Selangor.

Walaupun diberikan notis pengosongan kawasan, namun arahan itu tidak diendahkan, bahkan aktiviti di situ berjalan seperti biasa.

Semakan *BH* berdasarkan pelan pembangunan Bukit Beruntung mendapati, kawasan diceroboh

itu membabitkan tanah milik PTG Hulu Selangor, Menteri Besar Incorporated (MBI), syarikat swasta, rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan rizab masjid serta rizab sekolah.

Ramlee berkata, pihaknya juga berharap Struahanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasat isu berkenaan bagi meng-

esan, sama ada wujud unsur rasuah atau penyalahgunaan kuasa sehingga menyebabkan perkara itu boleh berlaku.

"Bagaimana tanah kerajaan boleh diceroboh sebegitu lama tanpa sebarang tindakan? Jika ada sesuatu yang tidak kena, mungkin SPRM boleh campur tangan dalam hal ini," katanya.